

18 MAR 1997

IKUTAN

IKUTAN WUJUD JUN, JADI INSTITUSI USAHAWAN MELAYU GLOBAL

SHAH ALAM, 18 Mac (Bernama) -- Institut Keusahawanan Tan Sri Yahaya (IKUTAN) akan menjadi kenyataan Jun ini sebagai satu daripada penggerak utama peningkatan usahawan Melayu ke taraf global meneladani jejak Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata Kerajaan Selangor menubuhkan IKUTAN bukan sahaja bagi memperingati Allahyarham tetapi juga untuk menggerakkan semangat, keberanian, kegigihan dan wawasan beliau dalam memajukan ekonomi orang Melayu.

"Allahyarham seorang tokoh ulung yang luar biasa dalam keusahawanan di peringkat nasional dan antarabangsa ... banyak yang boleh dipelajari daripada pengalaman beliau untuk menjulang ekonomi orang Melayu," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Sebelum itu Muhammad mempengerusikan mesyuarat penubuhan IKUTAN yang turut dihadiri Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin dan tokoh-tokoh usahawan dan akademik termasuk Pengerusi Encorp Sdn Bhd Datuk Effendi Norwawi dan Rektor Institut Teknologi Mara (ITM) Datuk Haji Ahmad Zaidee Laidin.

Muhammad berkata mesyuarat itu bersetuju supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi penaung IKUTAN manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Daim sebagai penasihat.

Mesyuarat itu menubuhkan empat kumpulan petugas yang masing-masing diketuai Norwawi, Ahmad Zaidee, Universiti Pertanian Malaysia dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia bagi merangka usaha ke arah penubuhan itu termasuk menentukan tempat, fungsi dan kaedah pelaksanaannya.

Muhammad berkata setiap kumpulan petugas itu akan menggembeng tenaga dan idea dalam bidang kepakaran masing-masing dan mengemukakan cadangan kepadanya tiga minggu lagi.

"Kita menjemput Perdana Menteri untuk merasmikan IKUTAN," katanya, sambil menambah kata bahawa Kerajaan Selangor akan memberikan geran pelancaran manakala pembiayaan IKUTAN akan ditampung melalui sumbangan syarikat dan usahawan Bumiputera yang berjaya.

Majlis Pengembangan Kreativiti dan Inovasi Selangor (Mangkin), yang mencadangkan penubuhan IKUTAN, dan Pusat Pembangunan Usahawan ITM (Medec) dilantik sebagai urusetia penubuhan IKUTAN.

Berdasarkan kertas pengenalan IKUTAN yang diedarkan pada mesyuarat itu, IKUTAN akan menjadi institusi bertaraf global yang membuka peluang kepada semua usahawan Melayu dan Muslim sedunia untuk menyertai aktivitinya ke arah mewujudkan usahawan yang berbudaya ilmu, bermaklumat dan berjiwa global.

IKUTAN akan berfungsi mengendalikan program latihan kemahiran pengurusan berasaskan agama, menjalankan penyelidikan, penerbitan dan penyebaran maklumat teknologi dan peluang kerjasama serta menjadi perunding usahawan Melayu menceburi teknologi tinggi dan perdagangan antarabangsa.

IKUTAN juga akan mengendalikan program ijazah sarjana pembangunan keusahawanan dengan kerjasama universiti terkemuka di luar negara bagi usahawan Melayu di Malaysia dan negara-negara yang mempunyai masyarakat Melayu.

Allahyarham Yahaya, usahawan Melayu yang unggul terutama dalam bidang automobil dan pengangkutan, terbunuh dalam kemalangan helikopter di Pahang pada malam 3 Mac yang turut mengorbankan isterinya Puan Sri Rohana Othman dan juruterbangnya Mejar (B) Azlizan Abdul Manas.

-- BERNAMA
MNY AHH